

LAPORAN UNDANG-UNDANG

**[Seksyen 36,
Akta Perancang Bandar
Dan Desa 1976
(Akta 172)]**

JURNAL LEMBAGA RAYUAN NEGERI PAHANG



**Pendaftar
Lembaga Rayuan Negeri Pahang
PLANMalaysia Pahang**

AHLI LEMBAGA RAYUAN NEGERI PAHANG SESI 2019 - 2022

Pengerusi

YBhg. Dato' Noorbahri bin Baharudin, DPMT.

Timbalan Pengerusi

YH. Dato' Zainon Ahmad, DIMP.

Ahli

YH. Profesor TPr. Dato' Dr. Alias bin Abdullah, DIMP.,JMW.

YH. Dato' Haji Ahmad Salhi bin Abdul Latiff, DIMP.,SAP.,AAP.,PKC.,PJK.

YH. Dato' Haji Jamlus bin Deraman, DIMP.

Encik TPr. Mohamad Nazri bin Jaafar

Encik Mohd Nor bin Hashim

Pendaftar

Encik Muhamad Soffi bin Othman (Februari 2021 hingga sekarang)

Puan Norazreen binti Abu Bakar (April 2020 – Januari 2021)

Encik Kamarulzaman bin Abd Rahman (September 2019 - Mac 2020)

Urus Setia

Bahagian Perancangan Korporat Dan Lembaga Rayuan

Penubuhan Lembaga Rayuan (LR)

Pihak Berkuasa Negeri (PBN) hendaklah menyediakan dan mewartakan Kaedah – Kaedah Lembaga Rayuan Negeri masing – masing.

Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat kaedah – kaedah untuk menerapkan tatacara rayuan kepada Lembaga Rayuan dan fi yang perlu dibayar berkenaan dengannya, dan mengawalsedia prosiding Lembaga Rayuan tetapi sehingga kaedah – kaedah itu dibuat dan berkuasa kuasa, Lembaga Rayuan hendaklah, bagi maksud prosiding, setakat yang boleh dilaksanakan mengikut Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 [P.U. (A) 328/1980].

SUBSEKSYEN 26(15) AKTA 172



Pihak Berkuasa Negeri bertanggungjawab melantik :



Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Lembaga Rayuan

Ahli Lembaga Rayuan

Pendaftar dan urus setia Lembaga Rayuan

Bagi maksud Kanun Keseksaan [Akta 574], Lembaga Rayuan hendaklah disifatkan sebagai satu mahkamah dan tiap – tiap ahlinya hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam”

- Subseksyen 36(14) Akta 172

8 PERKARA YANG BOLEH DIRAYU KE LEMBAGA RAYUAN

BIL.	PERUNTUKAN AKTA 172	PERKARA YANG DIRAYU	BORANG-BORANG BERKAITAN (KAEDAH-KAEDAH LEMBAGA RAYUAN)
1.	Perenggan 23(1)(a)	Seseorang pemohon yang terkilan dengan keputusan PBPT yang enggan memberikan kebenaran merancang atau dengan apa-apa syarat dikenakan oleh PBPT dalam kebenaran merancang.	Notis Rayuan terhadap keputusan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.
2.	Perenggan 23(1)(b)	Seseorang pemohon telah membuat bantahan menurut subseksyen 21(6) iaitu berkenaan dengan bantahan pemunya tanah berjiran dan yang terkilan dengan keputusan PBPT berhubungan dengan bantahannya.	Notis Rayuan terhadap keputusan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.
3.	Subseksyen 25(9)	Jika mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa amaun pembayaran balik atau pampasan yang ditawarkan atau dibayar kepadanya di bawah seksyen ini oleh PBPT.	Notis Rayuan terhadap amaun pembayaran balik/pampasan yang ditawarkan/diawardkan atau dibayar.
4.	Subseksyen 30(2)	Seseorang yang terkilan dengan PBPT yang menyampaikan suatu notis rekuisisi untuk menghentikan apa-apa penggunaan tanah dalam tempoh yang ditetapkan.	Notis Rayuan terhadap notis rekuisisi.
5.	Subseksyen 30(7)	Mana-mana orang yang terkilan dengan amaun pampasan sebagai pematuhan notis rekuisisi.	Notis rayuan terhadap amaun pembayaran balik/pampasan yang ditawarkan/diawardkan atau dibayar.
6.	Seksyen 35C	Rayuan terhadap perintah pemeliharaan pokok terhadap iaitu suatu pemeriharaan pokok, mana-mana peruntukan dalam suatu Perintah Pemeliharaan Pokok, penolakan pemberiaan kebenaran bertulis, mana-mana syarat yang dikenakan ke atas pemberiaan suatu kebenaran bertulis, dibawah perenggan 35A(2)(a) dan suatu perintah menanam atau menggantikan pokok di bawah perenggan 35A(2)(b).	Notis Rayuan terhadap perintah pemeliharaan pokok di bawah Seksyen 35(C) Akta 172.
7.	Seksyen 35D	Terkilan dengan pampasan di bawah perintah pemeliharaan pokok yang melibatkan amaun pampasan yang diawardkan	Notis Rayuan terhadap amaun pembayaran balik/pampasan yang ditawarkan/diawardkan atau dibayar.
8.	Seksyen 35E	Penggantian pokok melibatkan seseorang yang didapati bersalah di bawah seksyen 35A(4) kerana menebang pokok dan diperintah untuk menggantikan pokok itu dengan menanam pokok yang lain.	Notis Rayuan terhadap kewajipan untuk menggantikan pokok di bawah Seksyen 35E(3) Akta 172.



LEMBAGA RAYUAN NEGERI PAHANG LAPORAN UNDANG-UNDANG

[Seksyen 36, Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172)]

Volume 1 : 2019 - 2022

FAIL RUJUKAN	PERAYU	RESPONDEN
Rayuan No. LR/001/2020	Tetuan Genting Highlands Berhad	Majlis Perbandaran Bentong
Rayuan No. LR/002/2020	Tetuan Genting Malaysia Berhad	Majlis Perbandaran Bentong
Rayuan No. LR/001/2022	Tetuan Mohd Redzuan bin Hussain, Shamsudin bin Hussain, Azman bin Ismail dan Su Reply bin Deraman.	Majlis Bandaraya Kuantan
Rayuan No. LR/002/2022	Tetuan Anbuselvan A/L Ponniah	Majlis Bandaraya Kuantan

LEMBAGA RAYUAN NEGERI PAHANG

RAYUAN NO. LR/001/2020

Di Antara

GENTING HIGHLANDS BERHAD

- PERAYU

DAN

MAJLIS PERBANDARAN BENTONG

- RESPONDEN

DAN

1. GM AERO SUPPORT SDN.BHD.
[NO.PENDAFTARAN :199501007887
(3337085-A)]

- PIHAK-PIHAK DALAM
PERTIKAIAN

2. ZAHIRUDDIN TOWN PLANNING SERVICES
[NO.PENDAFTARAN : 2000703009199
(SA0045835-T)]

PER : RAYUAN TERHADAP KEPUTUSAN-KEPUTUSAN MAJLIS PERBANDARAN BENTONG PADA 24.10.2019, 11.12.2019 DAN 13.2.2020 SERTA KEPUTUSAN-KEPUTUSAN SERUPA BAGI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG PINDAAN PENDIRIAN BANGUNAN BAGI PELAN YANG TELAH DILULUSKAN PADA NOVEMBER 2016 BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN YANG MENGANDUNGI 10 BLOK PEMBANGUNAN BERCAMPUR DENGAN RUANG KOMERSIAL DAN KEMUDAHAN YANG BERKAITAN DI ATAS PT 24116,PT 24117, PT 24118 DAN PT 24119 (DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI LOT PT 11203) , GENTING HIGHLANDS, MUKIM BENTONG, DAERAH BENTONG, PAHANG DARUL MAKMUR.

AHLI LEMBAGA RAYUAN

Dato' Noorbahri bin Baharuddin - Pengerusi
Prof. Dato' TPr. Dr Alias bin Abdullah - Ahli
TPr. Mohamad Nazri bin Jaafar - Ahli

PERINTAH

Rayuan ini yang telah ditetapkan untuk **KEPUTUSAN** pada hari ini dengan kehadiran Teh Eng Lay dan Ng Soon Kiat (Tetuan Cheah Teh & Su) bagi pihak Perayu dan Syed Zakaria bin Syed Zainal Abidin dan Saleh bin Ahmad bagi pihak Responden dan Jasbeer Singh (Tetuan Jasber, Nur & Lee) bagi Pihak-pihak Dalam Pertikaian, **MAKA ADALAH DI PERINTAHKAN BAHAWA :**

- 1) Bantahan awal oleh Responden dan Pihak-Pihak Dalam Pertikaian adalah dibenarkan.
- 2) Notis perayu bertarikh 15 haribulan April 2020 adalah dengan ini dibatalkan dengan kos.
- 3) Perayu hendaklah membayar kos kepada Responden sebanyak RM 10,000.00 dan Pihak-Pihak Dalam Pertikaian sebanyak RM 30,000.00 dalam masa 14 hari dari tarikh perintah ini disampaikan kepada Perayu.

**Bertempat di Kuantan
Pada 07 April 2021**

**Dato' Noorbahri bin Baharuddin
Pengerusi Lembaga Negeri Pahang**

Bagi Pihak Perayu

- Teh Eng Lay
- Ng Soon Kiat

Bagi Pihak Responden

- Syed Zakaria bin Syed Zainal
Abidin
- Salleh bin Ahmad

Bagi Pihak-Pihak Pertikaian

- Jasbeer Singh

LEMBAGA RAYUAN NEGERI PAHANG

RAYUAN NO. LR/002/2020

Di Antara

GENTING MALAYSIA BERHAD
[NO.PENDAFTARAN :196501000126(5954-D)]

- PERAYU

DAN

MAJLIS PERBANDARAN BENTONG

- RESPONDEN

DAN

1. **GM AERO SUPPORT SDN.BHD.**
[NO.PENDAFTARAN :199501007887
(3337085-A)]

- PIHAK-PIHAK DALAM
PERTIKAIAN

2. **ZAHIRUDDIN TOWN PLANNING SERVICES**
[NO.PENDAFTARAN : 2000703009199
(SA0045835-T)]

PER : RAYUAN TERHADAP KEPUTUSAN-KEPUTUSAN MAJLIS PERBANDARAN BENTONG PADA 24.10.2019, 11.12.2019 DAN 13.2.2020 SERTA KEPUTUSAN-KEPUTUSAN SERUPA BAGI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG PINDAAN PENDIRIAN BANGUNAN BAGI PELAN YANG TELAH DILULUSKAN PADA NOVEMBER 2016 BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN YANG MENGANDUNGI 10 BLOK PEMBANGUNAN BERCAMPUR DENGAN RUANG KOMERSIAL DAN KEMUDAHAN YANG BERKAITAN DI ATAS PT 24116,PT 24117, PT 24118 DAN PT 24119 (DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI LOT PT 11203), GENTING HIGHLANDS, MUKIM BENTONG, DAERAH BENTONG, PAHANG DARUL MAKMUR.

AHLI LEMBAGA RAYUAN

Dato' Noorbahri bin Baharuddin - Pengerusi
Prof. Dato' TPr. Dr Alias bin Abdullah - Ahli
TPr. Mohamad Nazri bin Jaafar - Ahli

PERINTAH

Rayuan ini yang telah ditetapkan untuk **KEPUTUSAN** pada hari ini dengan kehadiran Teh Eng Lay dan Ng Soon Kiat (Tetuan Cheah Teh & Su) bagi pihak Perayu dan Syed Zakaria bin Syed Zainal Abidin dan Saleh bin Ahmad bagi pihak Responden dan Jasbeer Singh (Tetuan Jasber, Nur & Lee) bagi Pihak-pihak Dalam Pertikaian, **MAKA ADALAH DI PERINTAHKAN BAHAWA :**

- 1) Bantahan awal oleh Responden dan Pihak-Pihak Dalam Pertikaian adalah dibenarkan.
- 2) Notis perayu bertarikh 15 haribulan April 2020 adalah dengan ini dibatalkan dengan kos.

**Bertempat di Kuantan
Pada 07 April 2021**

**Dato' Noorbahri bin Baharuddin
Pengerusi Lembaga Negeri Pahang**

Bagi Pihak Perayu

- Teh Eng Lay
- Ng Soon Kiat

Bagi Pihak Responden

- Syed Zakaria bin Syed Zainal Abidin
- Salleh bin Ahmad

Bagi Pihak-Pihak Pertikaian

- Jasbeer Singh

LEMBAGA RAYUAN NEGERI PAHANG

RAYUAN NO. LR/001/2022

Di Antara

MOHD REDZUAN BIN HUSAIN - PERAYU
SHAMSUDDIN BIN HUSSAIN
AZMAN BIN ISMAIL
SU REPLY BIN DERAMAN

DAN

MAJLIS BANDARAYA KUANTAN - RESPONDEN

PER : RAYUAN PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN DI ATAS LOT 8508 (GM 14522) DI BAWAH SEKSYEN 204D K.T.N SERAH BALIK KURNIA SEMULA, MUKIM KUALA KUANTAN, DAERAH KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR.

AHLI LEMBAGA RAYUAN

Dato' Noorbahri bin Baharuddin - Pengerusi
Encik Mohd Nor bin Hashim - Ahli
TPr. Mohamad Nazri bin Jaafar - Ahli

PERINTAH

Rayuan ini yang telah ditetapkan untuk **KEPUTUSAN** pada hari ini dengan kehadiran Mohd Redzuan bin Husain, Anuar bin Mat dan Tengku Putri Fatimah Ulfa binti Tengku Ahmad Hisham bagi pihak Perayu dan Che Huzzana binti Che Husain dan Muhamad Haizad bin Haji Zolpani bagi pihak Responden, **MAKA ADALAH DI PERINTAHKAN BAHAWA :**

- 1) Rayuan ini dibenarkan dengan syarat dan responden dikehendaki memberikan Kebenaran Merancang [Borang C (1), Kaedah 9 (1)].
- 2) Perayu perlu mengemukakan segala dokumen dan pelan yang berkaitan kepada responden dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh keputusan ini.
- 3) Responden perlu mengeluarkan Kebenaran Merancang [Borang C (1), Kaedah 9 (1)] dalam tempoh satu (1) bulan setelah segala dokumen dan pelan yang berkaitan diterima daripada perayu.

**Bertempat di Kuantan
Pada 23 Ogos 2022**

**Dato' Noorbahri bin Baharuddin
Pengerusi Lembaga Negeri Pahang**

Bagi Pihak Perayu

- Mohd Redzuan bin Hussain
- Anuar bin Mat
- Tengku Putri Fatimah Ulfa bin Tengku Ahmad Hisham

Bagi Pihak Responden

- Che Huzzana bin Che Hussain
- Muhamad Haizad bin Haji Zolpani

LEMBAGA RAYUAN NEGERI PAHANG

RAYUAN NO. LR/002/2022

Di Antara

ANBUSELVAN A/L PONNIAH

- PERAYU

DAN

MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

- RESPONDEN

PER : RAYUAN UNTUK MENDAPATKAN KEPUTUSAN MUKTAMAD BAGI PERCANGGAHAN KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG (PERUBAHAN MATERIAL) BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN HOTEL BAJET DI ATAS LOT 14143, MUKIM BANDAR KUANTAN, DAERAH KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR BERDASARKAN GARIS PANDUAN TEMPAT LETAK KERETA RTD KUANTAN 2035 (PENGANTIAN) DAN GARIS PANDUAN KEPERLUAN PERANCANGAN BAGI AKTIVITI HOTEL DI DALAM BANGUNAN KEDAI SEDIA ADA (8 JUN 2010).

AHLI LEMBAGA RAYUAN

Dato' Noorbahri bin Baharuddin	- Pengerusi
Encik Mohd Nor bin Hashim	- Ahli
Prof. Dato' Dr. Alias bin Abdullah	- Ahli

PERINTAH

Rayuan ini yang telah ditetapkan untuk **KEPUTUSAN** pada hari ini dengan Anbuselvan A/L Poniah iaitu Perayu dan Che Huzzana binti Che Hussain, Muhamad Haizah bin Haji Zolpani dan Muhammad Afiq bin Omar bagi pihak Responden, **MAKA ADALAH DI PERINTAHKAN BAHAWA :**

- 1) Rayuan perayu dengan ini ditolak di atas alasan tidak tedapat percanggahan di antara Rancangan Tempatan Daerah Kuantan 2035 (Penggantian) dan Garis Panduan Keperluan Perancangan Bagi Aktiviti Hotel di Dalam Bangunan Kedai Sedia Ada (8 Jun 2010) dan kedua-keduanya adalah terpakai terhadap perayu.

**Bertempat di Kuantan
Pada 24 Ogos 2022**

**Dato' Noorbahri bin Baharuddin
Pengerusi Lembaga Negeri Pahang**

Bagi Pihak Perayu

- Anbuselvan A/L Ponniah

Bagi Pihak Responden

- Che Huzzana bin Che Hussain
- Muhamad Haizad bin Haji Zolpani
- Muhammad Afiq bin Omar

“

Sesuatu perintah yang dibuat oleh Lembaga Rayuan atas suatu rayuan di hadapannya adalah muktamad tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah, dan hendaklah mengikat semua pihak kepada rayuan itu atau yang terlibat dalam perkara itu

”

Pendaftar
Lembaga Rayuan Negeri Pahang
d/a Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Pahang
(PLAN Malaysia Pahang)
Tingkat 4, Kompleks Tun Razak, Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Email : lembagarayuan.plan@pahang.gov.my
Tel : 09-57211181 Faks : 09-5732001